



UPNM

National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

Pejabat Bendahari
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



PERATURAN KEWANGAN PELAJAR

(PRASISWAZAH UPNM)

Edisi 2024

PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA



PERATURAN KEWANGAN PELAJAR (PRASISWAZAH UPNM)

Edisi 2024

PEJABAT BENDAHARI, UPNM

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA



PEMAKAIAN PERATURAN DAN TARIKH KUATKUASA

Peraturan ini dinamakan Peraturan Kewangan Pelajar (Prasiswazah UPNM) dan adalah terpakai kepada semua pelajar program Asasi, Diploma dan Sarjana Muda di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Pemakaian Peraturan ini berkuatkuasa bermula Sesi Akademik 2024/2025.



KANDUNGAN

Takrif	1-4
Yuran Pendaftaran Kemasukan	5
Yuran Berulang (Per Semester)	5-10
Yuran Semester Pendek	10
Yuran Semester Pendek Permulaan	11
Yuran Pelajar Yang Melebihi Tempoh Minimum Program Pengajian	11
Yuran Penginapan Semester Lazim	11
Yuran Penginapan Lain-lain Kategori	11-12
Caj/Denda Selain Daripada Yuran	12-14
Caj Proses Penukaran Program Pengajian	14
Yuran Konvokesyen	14-15
Pembayaran Yuran	15
Semakan Akaun Pelajar	15-16
Tarik Diri Pengajian	16-18
Penangguhan Pengajian	18
Penggantungan Pengajian	18-19
Diberhentikan Pengajian Disebabkan Tindakan Tatatertib	19
Diberhentikan Pengajian Bukan Disebabkan Tindakan Tatatertib	19-20
Tajaan/Biasiswa/Pinjaman/Pembiayaan/Dermasiswa	20-21
Bayaran Yuran Melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	21
Visa, Pas Pelajar dan Bon Peribadi	22
Penetapan Yuran/Caj lain-lain	22
Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Bayaran Yuran dan Caj lain-lain	22
Peruntukan Am	23

PERATURAN KEWANGAN PELAJAR (Prasiswazah UPNM)

1.0 TAKRIF

Dalam Peraturan ini, melainkan konteksnya mengkehendaki maksud lain:

"Asrama" bermaksud tempat penginapan yang disediakan oleh Universiti untuk pelajar.

"Caj lain-lain" bermaksud kadar bayaran/caj/denda yang dikuatkuasakan oleh Universiti kepada pelajar sepanjang tempoh pengajian.

"Diberhentikan" bermaksud status pelajar yang diberhentikan daripada pengajian kerana tidak mencapai tahap lulus dalam pengajiannya; atau telah menggunakan sepenuhnya tempoh maksimum pengajian; atau telah mencapai tempoh maksimum penangguhan atas sebab kesihatan; atau ditamatkan pengajian di bawah Kaedah Tatatertib Pelajar; atau tidak mendaftar kursus pada sesuatu semester.

"Fakulti" bermaksud entiti akademik utama dan merupakan Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 16 Perlembagaan Universiti yang bertanggungjawab menjalankan pengajaran bagi program-program sijil, diploma, ijazah atau apa-apa kelayakan akademik lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Senat serta bertanggungjawab menjalankan penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan untuk kecemerlangan akademik dan *profesionalisme*.

"Kursus" bermaksud subjek atau mata pelajaran yang ditawarkan dan mempunyai kod tersendiri.

"Lembaga" bermaksud Lembaga Pengarah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

"Pelajar" bermaksud individu yang telah menyempurnakan pendaftaran program pengajian di Universiti dan tertakluk kepada AUKU 1971.

"Pelajar Antarabangsa" bermaksud warga asing yang mengikuti pengajian atau program UPNM.

"Pelajar Baharu" bermaksud pelajar semester pertama dalam sesuatu pengajian di Universiti.

"Pelajar Sedia Ada" bermaksud pelajar yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu semester pengajian di Universiti.

"Pelajar Tempatan" bermaksud pelajar berstatus warganegara Malaysia.

"Penaja" bermaksud institusi kerajaan/institusi swasta/organisasi yang berdaftar dan diiktiraf yang membiayai kos pengajian seorang/sekumpulan pelajar di Universiti.

"Penangguhan Pengajian" bermaksud pengajian pelajar ditangguhkan dalam sesuatu semester akademik dengan kelulusan Senat.

"Penggantungan Pengajian" bermaksud pengajian pelajar digantung untuk tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) dan pelajar dihalang daripada mengikuti pengajian sehingga tempoh tersebut tamat ATAU seseorang pelajar digantung daripada menjadi pelajar oleh Naib Canselor kerana dipertuduh atas kesalahan boleh daftar di bawah Seksyen 15D AUKU 1971 dan beliau tidak boleh berada dalam atau memasuki kampus Universiti semasa prosiding jenayah belum selesai.

"Perkuliahan" bermaksud semua aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang diperlukan bagi ketetapan hasil pembelajaran dalam pelan pengajaran.

"Prasiswazah" bermaksud pelajar yang mengikuti program akademik di peringkat Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

"Program Pengajian" bermaksud program yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dan dilaksanakan oleh Universiti sebagai program akademik bagi tujuan pengijazahan.

"Pusat" bermaksud semua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang menawarkan program akademik.

"Saluran Perdana" bermaksud status pengambilan pelajar warganegara berpusat di bawah Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (UPU) Jabatan Pengajian Tinggi atau bahagian yang mengurus hak ehwal akademik di peringkat Universiti dan membayar yuran pada harga subsidi.

"Saluran Terbuka" bermaksud merujuk status kemasukan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah secara terus ke Universiti tanpa melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (UPU) Jabatan Pengajian Tinggi dan membayar yuran pada harga komersial.

"Semester Lazim" bermaksud semester yang telah dinyatakan dalam struktur kurikulum program yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.

"Semester Pendek" bermaksud satu (1) semester pengajian pendek yang diadakan antara dua semester yang telah didaftarkan di dalam pelan pengajian pelajar mengikut kelulusan program akademik.

"Semester Pendek (Permulaan)" bermaksud Semester Satu di mana pelajar diploma mula mendaftar pengajian di Universiti.

"Senat" bermaksud badan akademik tertinggi bagi Universiti mengikut Seksyen 22 Perlembagaan Universiti.

"Sesi Akademik" bermaksud tempoh pengajian yang mempunyai dua semester lazim dan satu semester pendek.

"Sistem Kewangan Pelajar" bermaksud sistem yang membolehkan pelajar membuat bayaran yuran secara atas talian dengan mengklik pautan epay.upnm.edu.my serta mengandungi informasi transaksi kewangan pelajar sepanjang tempoh pengajian.

"Tajaan Penuh" ertinya pembiayaan pengajian yang merangkumi Yuran Pengajian, Yuran Penginapan, Yuran Perkhidmatan, tabung kebajikan, tabung pembangunan atau lain-lain yuran yang dinyatakan.

"Tarik Diri Pengajian" bermaksud pelajar yang telah diluluskan oleh Universiti untuk menarik diri daripada pengajiannya.

"Universiti" bermaksud Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

"Yuran Berulang" bermaksud yuran yang dikenakan kepada pelajar pada setiap semester pengajian berkaitan bagi kemudahan dan perkhidmatan kepada pelajar yang mengandungi Yuran Pengajian, Yuran Penginapan, Yuran Perkhidmatan, tabung kebajikan, tabung Pembangunan atau lain-lain yuran yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.

"Yuran Pendaftaran Kemasukan" bermaksud yuran yang dikenakan kepada Pelajar Baharu pada semester pertama sahaja yang mengandungi yuran pendaftaran universiti, minggu haluan siswa dan yuran alumni/MUET.

“Yuran Pengajian” bermaksud yuran khusus yang dikenakan kepada pelajar berdasarkan program/ bidang yang perlu dibayar setiap semester.

“Yuran Penginapan” bermaksud yuran yang dikenakan kepada pelajar yang menginap di kediaman/asrama/ penginapan pelajar yang disediakan oleh Universiti.

“Yuran Perkhidmatan” bermaksud yuran yang dikenakan kepada pelajar pada setiap semester pengajian bagi kemudahan yang disediakan oleh Universiti.

Takrifan yang digunakan adalah mengikut takrifan Pejabat Bendahari

2.0 Yuran Pendaftaran Kemasukan

- 2.1 Yuran Pendaftaran Kemasukan dikenakan kepada Pelajar Baharu pada semester pertama sahaja.
- 2.2 Yuran Pendaftaran Kemasukan hendaklah dibayar sebelum Pelajar mendaftarkan diri ke Universiti.
- 2.3 Maklumat Yuran Pendaftaran Kemasukan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Yuran Pendaftaran Kemasukan

Yuran Pendaftaran Kemasukan	Program Asasi	Program Diploma	Program Sarjana Muda
Yuran Pendaftaran Universiti	RM300.00	RM400.00	RM450.00
Minggu Haluan Siswa	RM300.00	RM300.00	RM350.00
MUET	RM150.00	-	-
Yuran Alumni	-	RM100.00	RM100.00
Jumlah	RM750.00	RM800.00	RM900.00

3.0 Yuran Berulang (Per Semester)

3.1 Maklumat Am

Yuran Berulang terdiri daripada:

- i. Yuran Pengajian
- ii. Yuran Perkhidmatan
- iii. Tabung Kebajikan Pelajar
- iv. Tabung Pembangunan Pelajar
- v. Yuran Penginapan *

** Tertakluk kepada pengesahan pihak pengurusan kediaman/asrama/penginapan pelajar*

3.2 Struktur Yuran Berulang adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Yuran Berulang**Jadual 2 (a)(i): Yuran Berulang Program Asasi (Pelajar Tempatan)**

Yuran Berulang (Per Semester)	Yuran Pengajian	RM350.00
	Yuran Penginapan*	RM420.00
	Tabung Pembangunan Pelajar	RM20.00
	Tabung Kebajikan Pelajar	RM49.00
	Yuran Perkhidmatan	RM230.00
Jumlah (Per Semester)		RM1,069.00

* Tertakluk kepada pengesahan pihak pengurusan kediaman/asrama/ penginapan pelajar

Jadual 2 (a)(ii): Yuran Berulang Program Asasi (Pelajar Antarabangsa)

Yuran Berulang (Per Semester)	Yuran Pengajian	RM2,991.00
	Yuran Penginapan*	RM720.00
	Tabung Pembangunan Pelajar	RM20.00
	Tabung Kebajikan Pelajar	RM49.00
	Yuran Perkhidmatan	RM670.00
Jumlah (Per Semester)		RM4,450.00

* Tertakluk kepada pengesahan pihak pengurusan kediaman/asrama/ penginapan pelajar

Jadual 2 (b): Yuran Berulang Program Diploma

Yuran Berulang (Per Semester)	Yuran Pengajian	RM300.00
	Yuran Penginapan*	RM420.00
	Tabung Pembangunan Pelajar	RM25.00
	Tabung Kebajikan Pelajar	RM49.00
	Yuran Perkhidmatan	RM185.00
Jumlah (Per Semester)		RM979.00

* Tertakluk kepada pengesahan pihak pengurusan kediaman/asrama/ penginapan pelajar

Jadual 2 (c)(i): Yuran Berulang Program Sarjana Muda (Pelajar Tempatan Berstatus Awam)

Yuran/ Bayaran		FPKP		FSTP			FPPP	FKJ	PB	AKP
		Sarjana Muda Perubatan (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Perubatan (Saluran Terbuka)	Sarjana Muda Penyelidikan Operasi Dengan Sains Data (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) / Sistem Pintar / Keselamatan Sistem Komputer (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Logistik & Pengangkutan Maritim / Teknologi Maritim (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Pengajian Strategi / Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan / Pengurusan Pertahanan & Keselamatan / Pertahanan & Keselamatan Islam / Kepolisian, Keselamatan Global & Perisikan / Hubungan Antarabangsa (Diplomasi & Keselamatan Antarabangsa) / Pengurusan Rantaian Bekalan & Logistik (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam / Mekanikal / Elektrik & Elektronik / Penerbangan (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Sains Sosial (Bahasa & Komunikasi Silang Budaya) / *Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Sains Ketangkasan Pertahanan (Saluran Perdana)
Yuran Berulang (Per Semester)	Yuran Pengajian	RM1,288.50	RM24,201.00	RM720.00	RM750.00	RM620.00	RM550.00	RM700.00	RM550.00	RM550.00
	Yuran Penginapan	RM420.00	RM3,000.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00
	Tabung Kebajikan Pelajar	RM49.00	RM49.00	RM49.00	RM49.00	RM49.00	RM49.00	RM49.00	RM49.00	RM49.00
	Tabung Pembangunan Pelajar	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00
	Yuran Perkhidmatan	RM400.00	RM1,200.00	RM275.00	RM275.00	RM275.00	RM250.00	RM275.00	RM250.00	RM250.00
Jumlah (Per Semester)		RM2,207.50	RM28,500.00	RM1,514.00	RM1,544.00	RM1,414.00	RM1,319.00	RM1,494.00	RM1,319.00	RM1,319.00

* Tidak termasuk Yuran Ujian APTIS Advanced British Council yang akan dikenakan pada Semester 1 (RM400.00) dan Semester 8 (RM400.00).

Jadual 2 (c)(ii): Yuran Berulang Program Sarjana Muda (Pelajar Tempatan Berstatus Kadet)

Yuran/ Bayaran		FPKP		FSTP			FPPP	FKJ	PB	AKP
		Sarjana Muda Perubatan (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Perubatan (Saluran Terbuka)	Sarjana Muda Penyelidikan Operasi Dengan Sains Data (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) / Sistem Pintar / Keselamatan Sistem Komputer (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Logistik & Pengangkutan Maritim / Teknologi Maritim (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Pengajian Strategi / Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan / Pengurusan Pertahanan & Keselamatan / Pertahanan & Keselamatan Islam / Kepolisian, Keselamatan Global & Perisikan / Hubungan Antarabangsa (Diplomasi & Keselamatan Antarabangsa) / Pengurusan Rantaian Bekalan & Logistik (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam / Mekanikal / Elektrik & Elektronik / Penerbangan (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Sains Sosial (Bahasa & Komunikasi Silang Budaya) / *Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (Saluran Perdana)	Sarjana Muda Sains Ketangkasan Pertahanan (Saluran Perdana)
Yuran Berulang (Per Semester)	Yuran Pengajian	RM1,288.50	RM24,201.00	RM720.00	RM750.00	RM620.00	RM550.00	RM700.00	RM550.00	RM550.00
	Yuran Penginapan	RM420.00	RM3,000.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00	RM420.00
	Tabung Kebajikan Pelajar	RM25.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00
	Tabung Pembangunan Pelajar	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00
	Yuran Perkhidmatan	RM400.00	RM1,200.00	RM275.00	RM275.00	RM275.00	RM250.00	RM275.00	RM250.00	RM250.00
Jumlah (Per Semester)		RM2,183.50	RM28,476.00	RM1,490.00	RM1,520.00	RM1,390.00	RM1,295.00	RM1,470.00	RM1,295.00	RM1,295.00

* Tidak termasuk Yuran Ujian APTIS Advanced British Council yang akan dikenakan pada Semester 1 (RM400.00) dan Semester 8 (RM400.00).

Jadual 2 (c)(iii): Yuran Berulang Program Sarjana Muda (Pelajar Antarabangsa)

Yuran/ Bayaran		FPKP	FSTP	FPPP	FKJ	PB	
		Sarjana Muda Perubatan	Sarjana Muda Penyelidikan Operasi Dengan Sains Data / Sains Komputer (Kepujian) / Sistem Pintar / Keselamatan Sistem Komputer / Sains (Kepujian) Logistik & Pengangkutan Maritim / Teknologi Maritim	Sarjana Muda Pengajian Strategi / Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan / Pengurusan Pertahanan & Keselamatan / Pertahanan & Keselamatan Islam / Kepolisian, Keselamatan Global & Perisikan / Hubungan Antarabangsa (Diplomasi & Keselamatan Antarabangsa) / Pengurusan Rantaian Bekalan & Logistik	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam / Mekanikal / Elektrik & Elektronik / Penerbangan	Sarjana Muda Sains Sosial (Bahasa & Komunikasi Silang Budaya)	*Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
Yuran Berulang (Per Semester)	Yuran Pengajian	RM36,301.00	RM13,600.00	RM12,066.00	RM16,300.00	RM12,066.00	RM3,402.00
	Yuran Penginapan	RM3,000.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00	RM700.00
	Tabung Kebajikan Pelajar	RM49.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00	RM25.00
	Tabung Pembangunan Pelajar	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00	RM50.00
	Yuran Perkhidmatan	RM3,600.00	RM240.00	RM215.00	RM240.00	RM215.00	RM215.00
Jumlah (Per Semester)		RM43,000.00	RM14,615.00	RM13,056.00	RM17,315.00	RM13,056.00	RM4,392.00

* Tidak termasuk Yuran Ujian APTIS Advanced British Council yang akan dikenakan pada Semester 1 (RM400.00) dan Semester 8 (RM400.00).

3.3 Tempoh Pembayaran

Yuran Pendaftaran Kemasukan, Yuran Berulang dan Caj lain-lain hendaklah dibayar pada setiap semester mengikut tempoh seperti yang ditetapkan di **Jadual 3**.

Jadual 3: Tempoh Pembayaran Yuran dan Caj lain-lain

Aktiviti	Pelajar Baharu	Pelajar Sedia Ada
Bayaran Yuran Pendaftaran Kemasukan	Sebelum pendaftaran	Tidak berkaitan
Bayaran Yuran Berulang dan Caj lain-lain	Sebelum pendaftaran	Sebelum pendaftaran semester baharu
Tarikh akhir untuk jelaskan semua hutang	Sebelum pendaftaran	Tarikh akhir pendaftaran semester baharu

4.0 Yuran Semester Pendek

- 4.1 Pelajar perlu mendaftar dan membayar yuran pengajian sebelum pendaftaran Semester Pendek. Yuran Pengajian Semester Pendek adalah sebanyak **RM40.00/kredit**.
- 4.2 Pelajar hendaklah menjelaskan semua bayaran yuran Semester Pendek sebelum atau semasa membuat pendaftaran kursus semester yang berkenaan. Hanya Pelajar yang telah menjelaskan semua bayaran yang berkenaan sahaja akan diterima pendaftaran kursus mereka.
- 4.3 Pelajar yang telah menjelaskan pembayaran tetapi menarik diri dari Program Pengajian, membatalkan atau mengurangkan jumlah jam kredit yang diambil (Tarik Diri Kursus), tidak berhak menuntut pemulangan bayaran selepas pendaftaran Kursus dibuat.
- 4.4 Pelajar perlu memastikan dapat memberi komitmen untuk mengikuti pengajian sebelum mendaftar dan membuat bayaran.

5.0 Yuran Semester Pendek Permulaan

- 5.1 Pengajian Semester Pendek lazimnya bermula selepas semester II. Walau bagaimanapun, terdapat Semester Pendek Permulaan yang dilaksanakan bagi pelajar Diploma yang mendaftar berdasarkan ketetapan fakulti/akademi/pusat.
- 5.2 Yuran Semester Pendek Permulaan adalah sama dengan kadar yuran Semester Lazim yang terdiri daripada Yuran Pendaftaran Kemasukan dan Yuran Berulang seperti di **Jadual 1** dan **2**.

6.0 Yuran Pelajar Yang Melebihi Tempoh Minimum Program Pengajian

- 6.1 Pelajar yang mengikuti pengajian melebihi tempoh minimum Program Pengajian dikehendaki membayar Yuran Berulang seperti di **Jadual 2 kecuali** yuran pengajian yang dikenakan mengikut jam kredit dengan kadar **RM40.00/kredit**.

7.0 Yuran Penginapan Semester Lazim

- 7.1 Yuran Penginapan akan dikenakan kepada setiap Pelajar apabila Pelajar mendaftar di Asrama mengikut struktur yuran yang digunakan.
- 7.2 Pelajar yang telah setuju terima tawaran menginap di Asrama dikehendaki membuat bayaran yuran sebelum dibenarkan untuk daftar masuk.
- 7.3 **Pelajar yang telah setuju terima tawaran menginap di Asrama tetapi menarik diri dari menginap di Asrama, tidak layak untuk menerima apa-apa pemulangan Yuran Penginapan dan Universiti berhak membuat tuntutan terhadap yuran tertunggak.**

8.0 Yuran Penginapan Lain-lain Kategori

- 8.1 Pelajar yang telah dilantik sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar adalah diberi pengecualian Yuran Penginapan semasa dalam tempoh pelantikan. Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni perlu memaklumkan kepada Pejabat Bendahari maklumat-maklumat Pelajar sepertimana yang dikehendaki oleh

pihak Universiti bagi tujuan pelarasan Yuran Penginapan. Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni juga bertanggungjawab memaklumkan kepada Pejabat Bendahari sekiranya Pelajar terhenti daripada menjadi ahli Majlis Perwakilan Pelajar.

- 8.2 Pelajar yang ingin menginap di Asrama semasa Semester Pendek, Semester Pendek Permulaan atau di luar tempoh Semester Lazim (tertakluk kepada kekosongan serta terma dan syarat pihak pengurusan kediaman/asrama/penginapan) akan dicaj mengikut kadar yang berkuat kuasa dan mengikut bilangan hari menginap (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa). Bayaran perlu dibuat sebelum Pelajar dibenarkan untuk daftar masuk (*check in*).
- 8.3 Pelajar yang gagal, cuai atau abai untuk menjelaskan bayaran Yuran Penginapan adalah dianggap berhutang kepada Universiti dan akan dikenakan tindakan berdasarkan peraturan Universiti yang sedang berkuat kuasa.
- 8.4 Pelajar yang diarahkan oleh pihak Universiti untuk mengikuti aktiviti dan menginap di Asrama, kos Yuran Penginapan perlu dimasukkan di dalam kertas kerja pengiraan kos aktiviti dan perlu diluluskan oleh pihak berkuasa di peringkat Universiti. Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni perlu memaklumkan kepada Pejabat Bendahari maklumat-maklumat Pelajar sepertimana yang dikehendaki oleh pihak Universiti bagi tujuan pelarasan Yuran Penginapan.

9.0 Caj/Denda Selain Daripada Yuran

- 9.1 Selain Yuran, terdapat juga caj/denda yang dikenakan Universiti kepada Pelajar sepanjang tempoh pengajian Pelajar. Senarai caj/denda adalah seperti di **Jadual 5**. Caj/denda selain di dalam **Jadual 5**, boleh dilaksanakan dengan kelulusan Universiti.
- 9.2 Kadar caj/denda adalah tertakluk kepada perubahan yang diluluskan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

Jadual 5: Kadar Caj/Denda

Bil.	Perkara	Kadar (RM)
Hal Ehwal Pendaftaran Kursus		
1	Kelewatan pendaftaran kursus	50.00/ kursus
2	Kelewatan tambah/ gugur kursus (bagi yang telah mendaftar)	25.00/ kursus
3	Kelewatan pembetulan kursus pada penyata pendaftaran	25.00/ kursus
4	Rayuan Meneruskan Pengajian (setelah gagal dan diberhentikan)	50.00/ rayuan
5	Caj baiki gred/ ulang kursus/ peperiksaan ulangan/ peperiksaan khas merujuk kepada perenggan	40.00/ kredit
6	Caj proses penukaran program	25.00/ proses
Hal Ehwal Peperiksaan		
1	Kelewatan mengambil slip menduduki peperiksaan akhir	10.00/ hari
2	Cetakan semula slip menduduki peperiksaan akhir yang rosak atau hilang	10.00/ slip
3	Kelewatan mengambil slip keputusan peperiksaan akhir	10.00/ hari
4	Cetakan semula slip keputusan peperiksaan akhir yang rosak atau hilang	10.00/ slip
5	Rayuan semakan semula keputusan peperiksaan	50.00/ kursus
Hal Ehwal Kad Matrik		
1	Cetakan semula kad matrik yang rosak/ hilang (Kali pertama)	30.00
2	Cetakan semula kad matrik yang rosak/ hilang (Kali kedua)	60.00
3	Cetakan semula kad matrik yang rosak/ hilang (Kali ketiga dan seterusnya)	90.00

Hal Ehwal Pengijazahan/ Konvokesyen		
1	Deposit pakaian akademik (Jubah)	100.00/ jubah
2	Kelewatan menghantar borang pengijazahan	5.00/ hari
3	Kelewatan memulangkan Jubah	10.00/ hari
4	Jubah rosak atau hilang	Diploma/ Sarjana Muda – 800.00
5	<i>Mortar Board</i> (Topi)/ <i>Hood</i> (selempang) rosak atau hilang	100.00 setiap satu item
6	<i>Bonet / beefeater</i> rosak atau hilang	200.00/ setiap satu item
7	Semua pakaian akademik rosak atau hilang	Diploma/ Sarjana Muda – 1,000.00
8	Cetakan semula transkrip yang rosak atau hilang	10.00/ transkrip (B. Melayu/ B. Inggeris)
9	Cetakan semula skrol yang rosak atau hilang	60.00/ transkrip (B. Melayu/ B. Inggeris)

* Sekiranya berlaku kehilangan pakaian akademik yang lengkap (jubah dan hood (selempang) dan mortar board/ bonet/beefeater), transkrip pelajar akan ditahan sehingga pelajar menjelaskan denda yang dikenakan.

10.0 Caj Proses Penukaran Program Pengajian

- 10.1 Pelajar yang ingin memohon untuk pertukaran Program Pengajian perlu membuat bayaran caj proses penukaran Program Pengajian terlebih dahulu sebelum dibenarkan untuk membuat permohonan. Walau bagaimanapun, sebarang penukaran Program Pengajian tertakluk kepada peraturan akademik yang berkuat kuasa.
- 10.2 Kadar caj proses penukaran Program Pengajian adalah seperti di **Jadual 5**.
- 10.3 Bayaran tidak akan dipulangkan semula jika permohonan gagal.

11.0 Yuran Konvokesyen

- 11.1 Kadar yuran konvokesyen seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6: Kadar Yuran Konvokesyen

Kategori Pelajar/ Kadar Yuran	Yuran Konvokesyen	
	Hadir	Tidak Hadir
Diploma & Sarjana Muda	RM200.00	RM150.00

11.2 Yuran konvokesyen yang telah dibayar tidak akan dipulangkan.

12.0 Pembayaran Yuran

12.1 Pembayaran yuran hendaklah dibuat dalam masa yang telah ditetapkan dan secara dalam talian sahaja. Pembayaran dalam bentuk tunai dan cek persendirian tidak diterima.

12.2 Kaedah pembayaran adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7: Kaedah Bayaran

Kaedah Bayaran	Penerangan
Bayaran Melalui FPX	Klik pada pautan e-payment dan patuhi arahan yang ditetapkan https://epay.upnm.edu.my/
<i>Telegraphic transfer (TT)</i>	Pelajar Antarabangsa yang tidak mempunyai akaun bank di Malaysia hendaklah membuat bayaran melalui TT. Pelajar hendaklah memastikan maklumat akaun bank atas nama Pelajar sahaja dan dengan maklumat yang tepat dikemukakan kepada Seksyen Terimaan dan Akaun Pelajar bagi urusan pengkreditan ke bank Pelajar sekiranya berkaitan.

13.0 Semakan Akaun Pelajar

13.1 Pelajar hendaklah dari semasa ke semasa menyemak maklumat di akaun Pelajar sama ada semua yuran dan Caj lain-lain telah dijelaskan atau belum. Pelajar juga hendaklah memeriksa semua transaksi adalah tepat dan memaklumkan kepada Seksyen Terimaan dan Akaun Pelajar jika terdapat sebarang masalah mengenai yuran dan Caj lain-lain. Semakan akaun Pelajar boleh dibuat melalui pautan <https://epay.upnm.edu.my/>

- 13.2 Sekiranya Pelajar atau Penaja membayar menggunakan matawang asing dan tukaran kepada Ringgit Malaysia tidak dapat menjelaskan sepenuhnya yuran dan Caj lain-lain yang ditetapkan, Universiti berhak membuat tuntutan terhadap perbezaan tersebut.
- 13.3 Sebarang lebihan bayaran akan dipulangkan kepada Pelajar atau Penaja selepas mengambil kira yuran dan Caj lain-lain. Universiti tidak menyimpan sebarang lebihan bayaran kecuali atas arahan daripada Penaja atau permintaan Pelajar.
- 13.4 Bagi Pelajar yang layak mendapat pemulangan bayaran, proses pemulangan adalah dalam tempoh 30 hari bekerja (tidak termasuk hari permohonan diterima oleh Seksyen Terimaan dan Akaun Pelajar, Pejabat Bendahari) dengan syarat semua rekod atau data Pelajar adalah lengkap dan betul.
- 13.5 Pelajar hendaklah memastikan maklumat akaun bank atas nama Pelajar sahaja dan maklumat yang tepat perlu dikemukakan kepada Seksyen Terimaan dan Akaun Pelajar bagi urusan pengkreditan ke bank Pelajar sekiranya berkaitan.
- 13.6 Sekiranya Pelajar gagal mengemukakan maklumat akaun bank, sebarang bayaran kepada Pelajar akan ditangguhkan sehingga Pelajar mengemukakan maklumat akaun bank.
- 13.7 Sebarang caj bank dari pemulangan atau bayaran melalui tatacara pindahan telegrafik adalah ditanggung oleh Pelajar.
- 13.8 Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui e-mel kepada terimaan_akaunpelajar@upnm.edu.my (sila nyatakan nama, no. matrik/no. kad pengenalan/no. pasport dan no. telefon untuk dihubungi). E-mel yang tidak dinyatakan butiran maklumat Pelajar tidak akan dilayan.

14.0 Tarik Diri Pengajian

- 14.1 Pelajar Baharu yang memohon untuk Tarik Diri Pengajian dalam tempoh 30 hari dari tarikh pendaftaran, dibolehkan memohon pemulangan yuran dalam tempoh tersebut. Pemulangan yuran adalah berdasarkan permohonan Pelajar. Tiada pemulangan sekiranya permohonan melebihi 30 hari dari tarikh pendaftaran.

- 14.2 Pelajar Sedia Ada yang memohon untuk Tarik Diri Pengajian dalam tempoh 30 hari dari tarikh perkuliahan bermula berdasarkan kalendar akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti, dibolehkan memohon pemulangan yuran dalam tempoh tersebut. Pemulangan yuran adalah berdasarkan permohonan Pelajar. Tiada pemulangan sekiranya permohonan melebihi 30 hari dari tarikh perkuliahan bermula.
- 14.3 Permohonan seperti yang dinyatakan di para 14.1 dan 14.2 tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- 14.3.1 Mendaftar sebagai Pelajar dengan Universiti untuk mengikuti Program Pengajian pada tarikh yang ditetapkan, dan
- 14.3.2 Menjelaskan yuran tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan di **Jadual 3**.
- 14.4 Kadar pemulangan yuran adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Pelajar Baharu	Pelajar Sedia Ada
1.	Yuran Pendaftaran Kemasukan: i. Yuran Pendaftaran Universiti ii. Minggu Haluan Siswa iii. MUET iv. Yuran Alumni	Tiada pemulangan Tiada pemulangan Pemulangan 100% Pemulangan 100%	Tidak berkaitan Tidak berkaitan Tidak berkaitan Tidak berkaitan
2.	Yuran Berulang: i. Yuran Pengajian ii. Yuran Perkhidmatan iii. Tabung Kebajikan iv. Tabung Pembangunan Pelajar	Pemulangan 75%	Pemulangan 75%
3.	Yuran Penginapan	Pemulangan mengikut tempoh tidak menginap di Asrama (Tertakluk kepada pengesahan pihak pengurusan kediaman/asrama/penginapan pelajar)	Pemulangan mengikut tempoh tidak menginap di Asrama (Tertakluk kepada pengesahan pihak pengurusan kediaman/asrama/penginapan pelajar)

14.5 Pihak Universiti berhak untuk menuntut baki yuran yang belum dijelaskan.

15.0 Penangguhan Pengajian

15.1 Pelajar yang diluluskan Penangguhan Pengajian oleh Senat Universiti sama ada menangguh pengajian atau ditangguhkan pengajian pada sesuatu semester termasuk tangguh disebabkan cuti sakit, yuran hanya akan dikenakan seperti berikut:

- i. Dalam tempoh 30 hari dari tarikh perkuliahan semester semasa bermula berdasarkan kalendar akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti:
 - 25% daripada keseluruhan Yuran Berulang.
 - Yuran Penginapan mengikut tempoh menginap.
- ii. Selepas 30 hari dari tarikh perkuliahan semester semasa bermula berdasarkan kalendar akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti:
 - 100% daripada keseluruhan Yuran Berulang.
 - Yuran Penginapan mengikut tempoh menginap.

15.2 Pelajar yang diluluskan Penangguhan Pengajian seperti di para 15.1 dan tidak dikenakan yuran seperti di para 15.1 (i) dan (ii), akan dicaj RM55.00 untuk mengekalkan status sebagai Pelajar. Pelajar perlu membayar caj pengekalan status Pelajar tersebut untuk mengekalkan namanya di dalam senarai pelajar aktif di sepanjang tempoh penangguhan semester.

15.3 Pihak Universiti berhak untuk menuntut baki yuran yang belum dijelaskan.

15.4 Pelajar yang diluluskan Penangguhan Pengajian oleh Senat Universiti kerana mengikuti Program *Gap Year* UPNM (rujuk Garis Panduan Program *Gap Year* UPNM) dikecualikan daripada membayar yuran seperti di **Jadual 2** sepanjang tempoh penangguhan tersebut.

16.0 Penggantungan Pengajian

16.1 Pelajar yang didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib oleh pihak berkuasa tata tertib UPNM boleh dikenakan Penggantungan Pengajian bagi

suatu tempoh yang ditetapkan. Tempoh Penggantungan Pengajian tersebut diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian.

- 16.2 Walau bagaimanapun bagi Pelajar yang digantung pengajian di bawah Seksyen 15D Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan tidak disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan, tempoh Penggantungan Pengajian tersebut tidak dikira dalam tempoh pengajian. Pelajar dikecualikan daripada membayar Yuran Berulang (seperti di **Jadual 2**). Pelajar hanya dikenakan bayaran Yuran Penginapan mengikut tempoh menginap sekiranya berkaitan.
- 16.3 Pelajar yang dikenakan tindakan Penggantungan Pengajian dikehendaki menjelaskan semua yuran dan Caj lain-lain bagi tempoh semester di mana tarikh hukuman dijatuhkan.
- 16.4 Pelajar juga tidak layak untuk menerima apa-apa pemulangan bagi tempoh semester tersebut dan Universiti berhak membuat tuntutan terhadap yuran dan Caj lain-lain yang tertunggak.

17.0 Diberhentikan Pengajian Disebabkan Tindakan Tatatertib

- 17.1 Pelajar yang diberhentikan disebabkan tindakan tatatertib dikehendaki menjelaskan semua bayaran bagi tempoh semester di mana tarikh hukuman dijatuhkan.
- 17.2 Pelajar juga tidak layak untuk menerima apa-apa pemulangan bagi tempoh semester tersebut dan Universiti berhak membuat tuntutan terhadap yuran dan Caj lain-lain yang tertunggak.

18.0 Diberhentikan Pengajian Bukan Disebabkan Tindakan Tatatertib

- 18.1 Pelajar Sedia Ada yang diberhentikan oleh Senat Universiti yang bukan disebabkan tindakan tatatertib dikehendaki menjelaskan yuran seperti berikut:
 - i. Dalam tempoh 30 hari dari tarikh perkuliahan semester semasa bermula berdasarkan kalendar akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti:

- 25% daripada keseluruhan Yuran Berulang.
 - Yuran Penginapan mengikut tempoh menginap.
- ii. Selepas 30 hari dari tarikh perkuliahan semester semasa bermula berdasarkan kalendar akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti:
- 100% daripada keseluruhan Yuran Berulang.
 - Yuran Penginapan mengikut tempoh menginap.
- iii. Pihak Universiti berhak untuk menuntut baki yuran dan Caj lain-lain yang belum dijelaskan.

19.0 Tajaan / Biasiswa / Pinjaman / Pembiayaan / Dermasiswa

- 19.1 Pelajar yang mendapat tajaan / biasiswa / pinjaman / pembiayaan / dermasiswa perlu mengemukakan dokumen daripada Penaja dalam kadar segera kepada Seksyen Terimaan dan Akaun Pelajar, Pejabat Bendahari sama ada secara serahan di kaunter atau melalui e-mel terimaan_akaunpelajar@upnm.edu.my.
- 19.2 Kegagalan atau kelewatan mengemukakan dokumen akan menyebabkan kelewatan proses tuntutan oleh Pejabat Bendahari kepada Penaja dan Universiti tidak akan bertanggungjawab atas sebarang permasalahan yang timbul.
- 19.3 Bayaran akan diproses setelah peruntukan dari Penaja diterima dan maklumat Pelajar dilengkapi.
- 19.4 Semua bayaran tajaan/biasiswa atau pinjaman dari pihak Penaja yang dimasukkan ke akaun Universiti (melalui Pejabat Bendahari) akan ditolak dengan jumlah yuran atau Caj lain-lain yang belum dijelaskan, sebelum lebih bayaran dibayar kepada Pelajar.
- 19.5 Jika bayaran yang dimasukkan ke akaun Universiti tidak mencukupi, Pelajar hendaklah menjelaskan perbezaan yang tidak dibayar oleh Penaja. Kegagalan membayar baki yang tidak dibayar atau ditaja oleh Penaja akan menyebabkan tindakan diambil ke atas Pelajar sepertimana yang terkandung di dalam Peraturan ini.

- 19.6 Bagi Penaja yang membuat bayaran tajaan/biasiswa atau pinjaman yang dimasukkan terus ke akaun Pelajar, Pelajar bertanggungjawab membuat bayaran yuran atau Caj lain-lain mengikut tempoh seperti yang ditetapkan di **Jadual 3**. Universiti berhak untuk berhubung dengan Penaja, sekiranya Pelajar gagal berbuat demikian.
- 19.7 Pelajar yang ditamatkan penajaan atau sedang memohon pelanjutan penajaan hendaklah mengemukakan surat pelanjutan tajaan atau pengesahan daripada penajaan pada atau sebelum hari pendaftaran semester baharu.
- 19.8 Sekiranya surat pengesahan status pelanjutan penajaan daripada Penaja tidak diterima, Pelajar dikategorikan sebagai pelajar tanpa Penaja dan dikehendaki menjelaskan sendiri semua bayaran yuran.
- 19.9 Universiti berhak mengambil tindakan seperti di para 23.0 kepada pelajar berpenaja sekiranya Penaja masih tidak menjelaskan tunggakan hutang melangkaui semester.
- 19.10 Pelajar yang mendapat tajaan / biasiswa / pinjaman / pembiayaan / dermasiswa perlu mengemukakan juga dokumen daripada Penaja kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

20.0 Bayaran Yuran Melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- 20.1 Ibu bapa / penjaga pelajar / pelajar boleh membuat pengeluaran pendidikan KWSP bagi pembayaran yuran. Permohonan pengeluaran KWSP adalah secara dalam talian e-pengeluaran pendidikan KWSP (i-Akaun).
- 20.2 Ibu bapa / penjaga pelajar / pelajar perlu membuat proses permohonan pengeluaran KWSP pada awal semester bagi memastikan yuran Pelajar dapat dibayar dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti. Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelajar dikenakan tindakan sekatan sekiranya wang yang dikreditkan ke akaun Universiti diterima selepas daripada tempoh bayaran yuran yang ditetapkan.

21.0 Visa, Pas Pelajar Dan Bon Peribadi

- 21.1 Semua urusan visa dan pas Pelajar Antarabangsa diuruskan oleh Education Malaysia Global Services (EMGS) melalui Pusat Jaringan Akademik dan Antarabangsa.
- 21.2 Bon peribadi hendaklah dibayar penuh sebelum mendaftar sebagai Pelajar Baharu.
- 21.3 Bon Peribadi Pelajar Antarabangsa akan dipulangkan selepas Pelajar tamat pengajian / Tarik Diri Pengajian / diberhentikan / gagal.
- 21.4 Universiti berhak melaraskan Bon persendirian dengan tunggakan hutang (jika ada).

22.0 Penetapan Yuran/ Caj lain-lain

- 22.1 Kadar yuran/Caj lain-lain adalah tertakluk kepada perubahan yang diluluskan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

23.0 Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Bayaran Yuran dan Caj lain-lain

- 23.1 Pelajar yang gagal menjelaskan semua yuran dan Caj lain-lain mengikut tempoh seperti di **Jadual 3** akan dikenakan tindakan seperti berikut:
 - i. Dihalang untuk mendapatkan keputusan peperiksaan akhir semester
 - ii. Dihalang daripada mendaftar kursus semester berikutnya
- 23.2 Jika yuran dan Caj lain-lain Universiti masih tidak dibayar, Universiti berhak membuat tuntutan atau mengambil tindakan undang-undang walaupun Pelajar telah Tarik Diri Pengajian / menamatkan pengajian dari Universiti.
- 23.3 Pelajar yang gagal menjelaskan yuran dan Caj lain-lain sepertimana yang dinyatakan dalam Peraturan atau Kaedah Universiti akan dikenakan tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan atau Kaedah Universiti yang berkuatkuasa tersebut.


24.0 Peruntukan Am

- 24.1 Peraturan yang terkandung di dalam Peraturan ini hendaklah dibaca bersama dengan peraturan, kaedah dan garis panduan Universiti yang sedang berkuat kuasa.
- 24.2 Universiti berhak untuk meminda sebarang peruntukan di dalam Peraturan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.




 Pejabat Bendahari
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
Kem Sungai Besi
Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur

.....

 03-9051 3400

 pejabatbendahari@upnm.edu.my

 www.upnm.edu.my

 Kem Sungai Besi I Kuala Lumpur